

YBhg. Datuk/ Datin/Tuan/Puan,

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) akan membuat pengambilan **Pekerja Sambilan Harian (PSH)** yang akan ditempatkan di Bahagian Pembangunan , JAWI Kuala Lumpur bagi jawatan-jawatan seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH DIPERLUKAN
1	Jurutera Awam	J41	1
2	Penolong Jurutera (Awam)	J29	2
3	Penolong Pegawai Tadbir	N27	1

3. Sehubungan itu, Jabatan ini mengalu-alukan permohonan tuan/puan yang berminat dengan mengemukakan resume dan salinan sijil akademik yang berkaitan **selewat-lewatnya pada 17 FEBRUARI 2012 (Jumaat)** melalui emel kepada azita@jawi.gov.my atau ke alamat berikut :

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Cawangan Pengurusan Sumber Manusia

Aras 9 (Barat) , Kompleks Pusat Islam

Jalan Perdana,

50519 KUALA LUMPUR

(u.p.: En Ahmad Irham b Ikmal Hisham)

4. Untuk makluman tuan/puan, tempoh perkhidmatan PSH ialah selama 3 bulan dan kadar upah adalah sebagaimana berikut :

Jawatan	Kelayakan Akademik	Upah (RM/Sehari)
Jurutera Awam Gred J41	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)	100.00
Penolong Jurutera (Awam) Gred J29	Diploma Kejuruteraan Awam	72.00
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	STPM / Diploma yang berkaitan	54.00

5. Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil menghadiri temuduga pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditentukan. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang menetap di sekitar Kuala Lumpur. Jika ada sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Azita di talian 0322749333 (sambungan 1920).

Sekian, terima kasih.

AZITA BINTI AB AZIZ

Penolong Pengarah Kanan (Sumber Manusia)

Cawangan Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Khidmat Pengurusan

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Tel : 03-22749333 samb 1920

Faks : 03-22731575

Emel : azita@jawi.gov.my